

## USIM agih bubur lambuk

**Mkini:** Kakitangan Bahagian Keselamatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meneruskan tradisi penyediaan dan agihan bubur lambuk kepada warganya sepanjang Ramadan ini sejak dimulakan lima tahun lalu.

Bubur lambuk berkenaan disediakan secara gotong-royong oleh kakitangan terbabit bermula penyediaan bahan mentah sehinggalah kepada proses memasak, membungkus dan edaran.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM



*KAKITANGAN Bahagian Keselamatan USIM mengekalkan tradisi penyediaan, agihan bubur lambuk.*

Mohd Zaini Othman berkata, penyediaan juadah yang amat dinanti warga USIM setiap kali bulan puasa

itu dilakukan enam kakitangan Unit Keselamatan Trafik USIM diketuai Marhaban Morlorjo.